

23 MAR 1996

Mohamed - Umno

JANGAN GUNA NAMA PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN DALAM PEMILIHAN UMNO

MUAR, 23 Mac (Bernama) -- Semua calon yang akan bertanding pada perhimpunan agung UMNO Oktober ini diingatkan supaya jangan menggunakan nama Presiden dan Timbalan Presiden parti untuk memperolehi kemenangan.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat berkata jika seseorang itu ingin menjadi pemimpin yang popular, dia tidak seharusnya bertindak demikian.

"Jika mereka menggunakan nama 'Nombor Satu' (presiden) dan 'Nombor Dua' (Timbalan Presiden, ini menunjukkan mereka pemimpin yang lemah dan tidak berwibawa," katanya kepada pemberita hari ini selepas mengetuai kakitangan ibu pejabat UMNO pusat mengunjungi rumah Pengerusi Tetapnya, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sempena Hari Raya Aidilfitri.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata tidak adil untuk menggunakan nama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam sesuatu pertandingan.

"Kalau ingin jadi pemimpin yang benar-benar diterima rakyat dan popular, jangan gunakan nama Dr Mahathir dan Datuk Seri Anwar sedangkan kedua-dua pemimpin itu tidak tahu menahu mengenainya dan tidak merestuinnya," katanya.

Mohamed berkata beliau membuat ingatan itu memandangkan sudah menjadi tabiat seseorang itu untuk menjual nama-nama pemimpin kononya mereka orang "Nombor Satu" atau orang "Nombor Dua" dalam menghadapi pertandingan terutamanya dalam pertandingan pemilihan pucuk pimpinan parti.

Mengenai politik wang, Mohamed berkata perbuatan itu dan penyalahgunaan kuasa tidak seharusnya masih berlaku kerana perkara itu sudahpun dibincangkan dengan hangat pada perhimpunan agung tahun 1993.

"Dalam soal ini, yang memberi dan yang menerima patut bertanggungjawab. Jika kita betul-betul jujur, kita tidak memberi dan tidak menerima," kata beliau.

Sambil menyifatkan perkara itu sebagai masalah moral, Mohamed berkata UMNO sedang berusaha menanam nilai murni demi kesejahteraan parti, bangsa dan negara.

"Kita takut nanti kalau sudah biasa disogok oleh orang terutama yang berkuasa, takut nanti orang boleh beli kuasa kita. Dalam jangka masa panjang ia akan membahayakan UMNO sendiri serta merosakkan pemimpin parti akan datang," katanya.

"Pada hari ini orang masih menghormati, menyokong dan mendengar cakap pemimpin UMNO tetapi jika masalah rasuah tidak dapat diatasi, saya khawatir orang tidak akan lagi pandang dan sokong UMNO dan bila ini berlaku, ia bererti UMNO sudah sampai pada tahap ia ditolak oleh orang ramai," katanya.

Mohamed juga mengingatkan semua Bahagian UMNO yang akan bermesyuarat tidak lama lagi supaya mencalonkan Dr Mahathir sebagai Presiden dan Anwar sebagai Timbalan Presiden walaupun tidak berlaku pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu.

"Kedua-dua mesti dicalonkan...jangan tak ada pencalonan pula walaupun mereka kekal bagi jawatan berkenaan sehingga tahun 1999 seperti yang telah dipersetujui oleh anggota UMNO, pencalonan itu perlu," kata beliau.

Perhimpunan agung UMNO tahun lepas bersetuju agar Dr Mahathir dan Anwar tidak ditentang bagi jawatan masing-masing sehingga pemilihan seterusnya pada 1999. -- BERNAMA

MKO MAI